

SOALAN NO.: 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MQT DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. SANTHARA KUMAR
[SEGAMAT]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO.3

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan Malaysia memiliki sumber kekayaan dari pelbagai jenis mineral dan yang terkini dipercayai negara juga berpotensi mengeluarkan REE (Unsur Nadir Bumi) yang begitu bernilai ekonomi. Apakah langkah-langkah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) untuk membangunkan potensi baru ini?. Apakah perlu ditubuhkan entiti atau organisasi baharu untuk memberi lebih fokus kepada usaha ini supaya lebih efektif?.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan sumber mineral yang mengandungi Unsur Nadir Bumi (Rare Earth Element atau REE) memerlukan kajian yang terperinci bagi

memastikan kewujudan sumber ini di seluruh negara dapat diketahui. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), sebuah agensi di bawah Kementerian saya, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 sedang giat menjalankan eksplorasi mineral bagi mengenalpasti lokasi kawasan-kawasan terdapatnya sumber ini.

2. Keputusan awal kajian menunjukkan beberapa kawasan seperti di **Tanah Merah dan Jeli di Kelantan; Jerai, Baling dan Kulim di Kedah; Kati, Trong dan Grik di Perak; Muar, Johor serta di Simunjan dan Sematan di Sarawak** mempunyai sumber yang berpotensi untuk dibangunkan. Kementerian juga sedang mengkaji dasar dan perundangan mineral supaya pembangunan sumber REE ini dibuat menggunakan amalan perlombongan yang terbaik dan mampan.
3. Di samping itu, bagi meningkatkan sumbangan sektor mineral kepada ekonomi negara serta memberikan perkhidmatan kepakaran yang lebih cekap dan efektif, **Kementerian sedang menimbulkan penubuhan sebuah lembaga mineral yang memberi lebih fokus kepada pembangunan sumber mineral.** Kementerian percaya dengan penubuhan lembaga ini, sumber asli negara dapat dibangunkan pada tahap yang lebih baik serta dapat menjana sumber ekonomi baharu negara.

Sekian, terima kasih.